



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI PENDAPATAN ATAS CUKAI
BARANG DAN PERKHIDMATAN
BAHAGIAN III – MANFAAT PEKERJA:
CBP DITANGGUNG OLEH MAJIKAN**

KETETAPAN UMUM NO. 3/2017

TARIKH PENERBITAN: 17 JULAI 2017



**LAYANAN CUKAI ATAS CUKAI
BARANG DAN PERKHIDMATAN
BAHAGIAN III – MANFAAT PEKERJA:
CBP DITANGGUNG OLEH MAJIKAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 3/2017
Tarikh Penerbitan: 17 Julai 2017**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2017 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



**LAYANAN CUKAI ATAS CUKAI
BARANG DAN PERKHIDMATAN
BAHAGIAN III – MANFAAT PEKERJA:
CBP DITANGGUNG OLEH MAJIKAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 3/2017
Tarikh Penerbitan: 17 Julai 2017**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Manfaat Pekerja	2
5. Perakaunan Cukai Output bagi Manfaat Pekerja	2
6. Peruntukan Cukai Pendapatan Berhubung dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan bagi Manfaat Pekerja	3
7. Layanan Cukai	4
8. Aplikasi	9
9. Perakuan	9
10. Penolakan Tuntutan	9

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai pendapatan ke atas cukai barang dan perkhidmatan (CBP), iaitu, cukai output yang diakaunkan dan ditanggung oleh majikan atas barang atau perkhidmatan yang diberikan secara percuma kepada pekerja sebagai manfaat.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 13, 24, 25, 32 dan subperenggan 39(1)(p).
- 2.3 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (ACBP) dan undang-undang subsidiarinya yang berkaitan.

3. Tafsiran

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Cukai input” mempunyai maksud yang sama yang diberikan kepadanya dalam ACBP. Dalam bahasa yang mudah, cukai input merujuk kepada CBP yang kena dibayar atas belian dan pengimportan perniagaan.
- 3.2 “Cukai output” mempunyai maksud yang sama yang diberikan kepadanya dalam ACBP. Dalam bahasa yang mudah, cukai output adalah CBP yang dikenakan ke atas jualan (inventori, aset modal dan lain-lain), pembekalan yang disifatkan dan perkhidmatan yang diimport.
- 3.3 “Majikan” berhubung dengan sesuatu penggajian bermaksud –
 - (a) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan wujud, tuan;
 - (b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu adalah orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
- 3.4 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.5 “Pekerja” berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud –
 - (a) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan wujud, orang suruhan;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, pemegang pelantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut.

3.6 "Penggajian" bermaksud –

- (a) penggajian di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
- (b) mana-mana pelantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.

4. Manfaat Pekerja

Seseorang individu di bawah suatu penggajian mungkin diperuntukkan manfaat pekerja oleh majikannya. Manfaat pekerja adalah seperti berikut –

- (a) barang atau perkhidmatan yang diberi atau disediakan secara percuma kepada seorang pekerja;
- (b) apa-apa hak, keistimewaan, perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan secara percuma kepada seorang pekerja;
- (c) barang atau perkhidmatan yang diberi atau disediakan kepada seorang pekerja oleh seorang majikan atau orang lain bagi pihak majikan itu; dan
- (d) barang dan perkhidmatan yang diperolehi oleh seorang majikan dan diberi kepada seorang pekerja sebagai manfaat pekerja. Barang dan perkhidmatan yang diperolehi adalah dianggap digunakan bagi tujuan perniagaan majikan itu.

5. Perakaunan Cukai Output bagi Manfaat Pekerja

Apa-apa manfaat pekerja yang disediakan oleh seorang majikan yang telah berdaftar atau bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP boleh dianggap sebagai suatu pembekalan bercukai. Secara umum, majikan yang berdaftar CBP dikehendaki mengakaun cukai output atas barang atau perkhidmatan yang diberikan atau disediakan sebagai manfaat pekerja, yang dianggap sebagai digunakan bagi tujuan perniagaan majikan itu.

5.1 Barang yang diberi percuma kepada pekerja

Seorang majikan perlu mengakaun cukai output ke atas barang yang diberikan kepada seorang pekerja walaupun tiada balasan dikenakan. Ini termasuk barang perniagaan yang diberi secara percuma kepada pekerja atau barang yang dibenarkan untuk kegunaan peribadi sementara oleh pekerja secara

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

percuma. Barang sedemikian yang diberikan secara percuma sebagai hadiah atau untuk kegunaan peribadi sementara oleh pekerja adalah pembekalan yang disifatkan di bawah ACBP. Walau bagaimanapun, tiada cukai output perlu diakaunkan bagi barang yang diberikan percuma seperti berikut:

- (a) barang yang diberikan percuma kepada pekerja seperti yang dinyatakan dalam kontrak penggajian, kontrak perkhidmatan atau dasar syarikat;
- (b) pembekalan berkadar sifar;
- (c) pembekalan dikecualikan;
- (d) barang yang mana cukai inputnya disekat;
- (e) pembekalan di mana mendapatkan kembali cukai input tidak dibenarkan di bawah ACBP;
- (f) pembekalan barang di bawah peraturan hadiah di mana kos barang yang diberikan kepada orang yang sama tidak melebihi RM500 dalam tahun yang sama; atau
- (g) barang yang diperolehi daripada orang yang tidak berdaftar CBP.

5.2 Perkhidmatan

Bagi perkhidmatan yang disediakan secara percuma kepada pekerja, majikan tidak perlu mengakaun cukai output kerana perkhidmatan tersebut tidak dianggap sebagai suatu pembekalan. Walau bagaimanapun, di mana perkhidmatan tersebut disediakan untuk manfaat pemilik tunggal, rakan kongsi, pengarah sebuah syarikat atau orang yang ada kaitan dengan orang kena cukai (majikan), cukai output perlu diambil kira berasaskan kepada nilai pasaran terbuka bagi perkhidmatan yang disediakan.

Sila rujuk kepada undang-undang CBP yang berkaitan dan Panduan Faedah Pekerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk maklumat terkini dan kemas kini berkenaan layanan CBP bagi barang dan perkhidmatan yang diberi percuma kepada pekerja. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada laman sesawang JKDM di www.gst.customs.gov.my.

6. Peruntukan Cukai Pendapatan Berhubung dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan bagi Manfaat Pekerja

6.1 Mulai tahun taksiran 2015, satu subseksyen baharu 13(1A) ACP diperkenalkan untuk memperuntukkan bahawa pendapatan penggajian di bawah subseksyen 13(1) ACP termasuk apa-apa amaun cukai output di bawah ACBP yang ditanggung oleh majikan. Dalam erti kata lain, cukai output yang dibayar oleh

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

seorang majikan bagi manfaat berupa barangan, perkuisit atau nilai tempat kediaman yang diberikan atau disediakan kepada seorang pekerja dianggap masing-masing sebagai sebahagian daripada manfaat berupa barangan, perkuisit atau nilai tempat kediaman.

- 6.2 Perenggan 39(1)(p) ACP menetapkan bahawa CBP yang dibayar atau akan dibayar sebagai cukai output yang ditanggung oleh orang yang berdaftar atau yang bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP tidak boleh diberi potongan.

7. **Layanan Cukai**

- 7.1 Apabila seseorang yang merupakan majikan memberi atau menyediakan barang atau perkhidmatan secara percuma kepada pekerjanya sebagai manfaat pekerja, dan cukai output perlu diakaunkan, jumlah cukai output yang ditanggung oleh majikan hendaklah dilaporkan dalam penyata saraan daripada penggajian (Borang EA). Menurut subseksyen 13(1A) ACP, cukai output yang ditanggung oleh majikan di bawah ACBP hendaklah dimasukkan sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar penggajian pekerja di bawah subseksyen 13(1) ACP.
- 7.2 Cukai output berkenaan dengan manfaat berupa barangan, perkuisit atau nilai tempat kediaman yang diterima oleh pekerja hanya akan dikenakan cukai jika manfaat berupa barangan, nilai perkuisit atau nilai tempat kediaman masing-masing dikenakan cukai. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman sesawang LHDNM untuk KU berikut:
- (i) KU No. 3/2005 dan Tambahan kepada KU No. 3/2005 bertajuk "Manfaat Tempat Kediaman oleh Majikan yang Disediakan oleh Majikan kepada Pekerjanya";
 - (ii) PR No. 2/2013 bertajuk "Perkuisit daripada Penggajian"; dan
 - (iii) PR No. 3/2013 bertajuk "Manfaat Berupa Barangan".
- 7.3 Kredit CBP dan potongan cukai pendapatan bagi orang berdaftar CBP yang menyediakan manfaat pekerja

Contoh 1 - Orang berdaftar CBP memberi produk perniagaan sendiri (pembekalan berkadar sifar) sebagai hadiah

Sebuah kilang penapisan gula yang berdaftar CBP memberi 10 kg gula bernilai RM29 kepada setiap pekerjanya bagi pelbagai perayaan tahunan mereka.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Majikan tidak perlu mengakaunkan cukai output ke atas gula yang diberikan percuma sebagai manfaat pekerja kerana produk tersebut adalah suatu pembekalan berkadar sifar.
ACP	Majikan dikehendaki melaporkan nilai pasaran (RM29) gula, produk perniagaan majikan yang boleh digunakan dalam ruangan F, Borang EA pekerja kerana manfaat ini dikecualikan cukai (sehingga maksimum RM1,000) di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2009 [P.U.(A) 152/2009]. Manfaat yang dikecualikan ini tidak perlu dilaporkan dalam ruangan B(1)(c) Borang EA.

Contoh 2 - Orang berdaftar CBP memberi produk perniagaan sendiri (pembekalan berkadar standard) sebagai hadiah

Sebuah syarikat berdaftar CBP membuat barangan elektrik. Syarikat tersebut telah memberikan setiap pekerja barangan elektrik bernilai RM300 sebagai hadiah pada musim perayaan masing-masing.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Majikan tidak perlu mengakaunkan cukai output ke atas barang yang diberikan percuma kepada pekerja memandangkan kos hadiah kepada setiap pekerja adalah kurang daripada RM500 dalam tahun tersebut.
ACP	(a) Majikan dikehendaki melaporkan nilai pasaran barangan elektrik (RM300) yang diberikan percuma dalam Borang EA pekerja sebagai perkuisit. (b) Pekerja akan dikenakan cukai atas perkuisit tersebut yang merupakan sebahagian daripada pendapatan kasar daripada penggajiannya.

Contoh 3 - Orang berdaftar CBP memberi produk perniagaan sendiri (pembekalan berkadar standard) bernilai lebih daripada RM500 sebagai hadiah dalam setahun

Sebuah syarikat berdaftar CBP membuat sistem teater rumah. Syarikat tersebut memberi setiap pekerjaanya sebuah sistem teater rumah bernilai RM1,000 sebagai hadiah.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Majikan perlu mengakaunkan cukai output sebanyak RM60 ke atas produk yang diberikan secara percuma kepada setiap pekerja memandangkan kos hadiah adalah lebih daripada RM500 dalam tahun tersebut.
ACP	<p>(a) Cukai output RM60 yang diakaunkan atas setiap sistem teater rumah dan ditanggung oleh syarikat tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(p) ACP.</p> <p>(b) Majikan dikehendaki melaporkan nilai pasaran sistem teater rumah (RM1,060) dalam Borang EA pekerja sebagai perkuisit.</p> <p>(c) Pekerja akan dikenakan cukai ke atas perkuisit tersebut yang merupakan sebahagian daripada pendapatan kasar daripada penggajian.</p>

Contoh 4 - Orang berdaftar CBP memberi produk perniagaan sendiri (pembekalan dikecualikan) sebagai hadiah

Seorang pemaju berdaftar CBP memberi sebuah pangsapuri bernilai RM80,000 secara percuma kepada salah seorang pekerjaanya untuk perkhidmatannya yang panjang selama 20 tahun.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Majikan tidak perlu mengakaunkan cukai output ke atas pangsapuri yang diberikan secara percuma yang termasuk di bawah Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014
ACP	(a) Majikan dikehendaki melaporkan nilai pasaran pangsapuri (RM80,000) yang

	<p>diberikan secara percuma dalam Borang EA pekerja sebagai perkuisit.</p> <p>(b) Pekerja akan dikenakan cukai atas perkuisit tersebut yang merupakan sebahagian daripada pendapatan kasar daripada penggajian. Memandangkan pekerja layak mendapat pengecualian cukai berjumlah RM2,000 atas perkuisit di bawah perenggan 25C, Jadual 6 ACP, RM2,000 hendaklah dilaporkan di ruangan F, Borang EA manakala jumlah baki (RM78,000) hendaklah dilaporkan dalam Borang EA sebagai pendapatan yang boleh dikenakan cukai.</p>
--	--

Contoh 5 - Orang berdaftar CBP memperoleh barang daripada orang yang tidak berdaftar CBP dan memberi barang tersebut sebagai hadiah

Sebuah syarikat berdaftar CBP membeli 10 buah jam tangan berharga RM1,200 setiap satu sebagai hadiah kepada 10 orang kakitangannya untuk prestasi cemerlang mereka.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Majikan tidak perlu mengakaunkan cukai output memandangkan jam tangan diperoleh daripada seorang orang yang bukan berdaftar CBP.
ACP	Majikan dikehendaki melaporkan nilai pasaran (RM1,200) jam tangan tersebut untuk anugerah prestasi cemerlang dalam ruangan F, Borang EA pekerja kerana ia dikecualikan cukai di bawah perenggan 25C, Jadual 6 ACP (sehingga maksimum RM2,000). Perkuisit yang dikecualikan ini tidak perlu dilaporkan dalam ruangan B(1)(c) Borang EA.

Contoh 6 - Orang berdaftar CBP memberi perkhidmatan percuma kepada orang yang mempunyai kaitan

Sebuah syarikat perkhidmatan pembersihan yang berdaftar CBP menyediakan perkhidmatan percuma kepada pengarah urusannya yang mempunyai kepentingan mengawal dalam syarikat.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Syarikat hendaklah mengakaunkan cukai output ke atas perkhidmatan percuma yang diberikan kepada pengarah urusannya yang merupakan orang yang mempunyai kaitan dengan syarikat berdaftar CBP itu. Perkhidmatan tersebut dianggap sebagai suatu pembekalan bercukai dan CBP diakaunkan berdasarkan nilai pasaran terbuka pembekalan itu.
ACP	(a) Cukai output yang diakaunkan atas perkhidmatan yang diberikan kepada pengarah urusan dan ditanggung oleh syarikat itu tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(p) ACP. (b) Pengarah urusan akan dikenakan cukai ke atas nilai perkhidmatan percuma yang diterima (bersama-sama dengan cukai output yang ditanggung oleh syarikat).

Contoh 7 - Tempat kediaman yang diberikan kepada seorang pekerja

Sebuah syarikat berdaftar CBP menyediakan tempat kediaman tanpa perabot secara percuma kepada pekerjanya.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Pembekalan tempat kediaman di bawah manfaat pekerja yang berhubungan dengan pembekalan dikecualikan di bawah Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014 dianggap digunakan untuk tujuan perniagaan. Majikan tidak perlu mengakaunkan cukai output kerana tempat kediaman percuma bukan suatu pembekalan bercukai.

ACP	<p>(a) Majikan dikehendaki melaporkan nilai tempat kediaman dalam Borang EA pekerja.</p> <p>(b) Pekerja akan dikenakan cukai atas manfaat tempat kediaman. Nilai manfaat yang dianggap sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(c) ACP adalah nilai tempat kediaman tanpa perabot.</p>
------------	---

8. Aplikasi

Contoh yang diberikan dalam KU ini adalah tidak menyeluruh. Walau bagaimanapun, prinsip yang sama akan terpakai bagi semua manfaat pekerja yang disediakan oleh majikan yang merupakan orang berdaftar CBP atau bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP.

KU ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan KU No. bertajuk "Layanan Cukai atas Cukai Barang Dan Perkhidmatan Bahagian 1 - Perbelanjaan" dan KU lain yang berkaitan dengan manfaat pekerja yang disebut dalam perenggan 7 di atas.

9. Perakuan

Sumber sesetengah kandungan KU ini berhubung dengan CBP adalah daripada panduan yang telah dikeluarkan oleh JKDM. Panduan tersebut boleh didapati daripada laman sesawang JKDM di www.gst.customs.gov.my.

10. Penolakan Tuntutan

Layanan CBP yang dinyatakan dalam contoh di KU ini hanya merupakan ilustrasi untuk rujukan bagi tujuan menerangkan layanan cukai pendapatan atas CBP. Ia adalah hak JKDM untuk menentukan layanan CBP di bawah ACBP.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**